

# PENAAKULAN DALAM MASALAH KETAKSAMAAN LINEAR: MASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR PPISMP

Haslina Jaafar\* & Nor Ruzaini Jailani  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
haslina@ipgkik.edu.my

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran menaakul dalam kalangan pelajar-pelajar PPISMP apabila menyelesaikan masalah ketaksamaan linear. Kemahiran menaakul yang perlu diberi perhatian adalah domain pengetahuan menaakul dan pemikiran sistemik. Konstruk-konstruk ini dijadikan kerangka bagi mencapai objektif kajian ini iaitu mengenalpasti tahap kemahiran menaakul dalam kalangan pelajar-pelajar PPISMP apabila menyelesaikan masalah ketaksamaan linear. Responden terdiri daripada tujuh orang pelajar PPISMP yang mencapai markah 75% dan ke atas dalam Take Off Value (TOV) Matematik. Kajian dijalankan dengan mentadbir ujian bertulis berkaitan masalah ketaksamaan linear dengan nilai kebolehpercayaan 0.74 (Cronbach Alpha). Dapatan ujian bertulis dan protocol temubual menunjukkan bahawa 5 daripada 7 orang responden mempamerkan kemahiran menaakul dalam menyelesaikan masalah ketaksamaan linear. Walaupun begitu, didapati bahawa sememangnya responden menghadapi kelemahan dalam domain pengetahuan menaakul dan pemikiran sistemik. Justeru, sebuah strategi pembelajaran perlu diaplikasikan dalam kelas bagi mempertingkatkan kemahiran menaakul pelajar PPISMP khususnya, dalam mata pelajaran Matematik Asas.*

**Kata kunci:** Penaakulan, masalah ketaksamaan linear, pelajar PPISMP